

**Nasional**

21

## 2 lelaki Bangladesh dalang palsu dokumen ditahan

**Putrajaya:** Jabatan Imigresen menahan dua lelaki warga Bangladesh yang juga dalang bagi sindiket pemalsuan dokumen, di sebuah apartment di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Ketua Pengarahnya, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, kedua-dua suspek yang berusia 34 dan 37 tahun itu ditahan dalam satu operasi khas yang dijalankan pada 6 Disember lalu.

Khairul berkata, operasi itu diadakan rentetan daripada tangkapan seorang lelaki warga Myanmar yang berusia 30-an pada 25 November lalu yang berkhidmat sebagai orang perantara kepada dalang berkenaan.

“Ketika serbuan, kedua-dua suspek sedang menyiapkan tempahan yang diterima iaitu pelekat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan pasport. Mereka

cuba melarikan diri tetapi berjaya ditangkap oleh anggota serbuan, memandangkan kediaman berkenaan sudah dikepung.

“Pemeriksaan di premis berkenaan mendapati sebuah bilik digunakan untuk menghasilkan pelbagai jenis dokumen palsu. Antara yang dirampas adalah set peralatan komputer, mesin pencetak kad dan beberapa peralatan yang digunakan untuk menghasilkan dokumen palsu.

“Pemeriksaan lanjut turut menjumpai pelekat keselamatan Imigresen, Kad Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan pasport dari pelbagai negara seperti India, Bangladesh, Nepal dan Myanmar yang sudah siap dicetak untuk diserahkan kepada pelanggan,” katanya dalam kenyataan semalam.